

Hidup ketakutan didera suami

B/H 11/11/12 MS 5.

695 kes keganasan rumah tangga dilaporkan kepada JKM pada 2010

Oleh Norliza Wasilan

norlizawasilan@bharian.com.my

KOTA BHARU: Lebih 95 peratus kes keganasan rumah tangga yang dilaporkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) membabitkan kecederaan fizikal terhadap mangsa wanita, dengan kebanyakannya didapati hidup dalam ketakutan.

Mengikut statistik 2010, daripada 695 kes keganasan rumah tangga yang dilaporkan kepada JKM pada tahun itu, 663 kes atau kira-kira 95 peratus membabitkan mangsa wanita, manakala 32 kes atau hampir lima peratus pula mangsa lelaki.

Daripada 695 kes keganasan terhadap wanita dan lelaki, 400 kes membabitkan kecederaan fizikal, meletak mangsa dalam ketakutan (225); memaksa/memberi ancaman (44); melakukan khianat dan kerosakan harta benda (21) dan mengurung atau menahan mangsa (5).

Kebanyakan mangsa keganasan rumah tangga yang hidup dalam ketakutan mendapatkan Perintah Perlindungan Sementara (IPO),



Selalunya lelaki tak mahu cakap banyak dan akan menggunakan kekuatan fizikal mereka untuk melepaskan marah

Dr Mariani Md Nor

Pensyarah Jabatan Psikologi Pendidikan dan Kaunseling, Fakulti Pendidikan UM

pindah tinggal berasingan termasuk kembali ke rumah ibu bapa/saudara/kenalan selain dan mendapatkan kaunseling di Pejabat Kebajikan Masyarakat.

Berdasarkan kategori pekerjaan, wanita yang menjadi suri rumah mencatatkan angka tertinggi menjadi mangsa keganasan rumah tangga dengan 273 kes atau lebih 41 peratus, diikuti kakitangan kakitangan swasta (169); kakitangan kerajaan (81); lain-lain/tidak diketahui (51); pekerja kilang (30); ahli

perniagaan (25); penganggur dan pekerja sambilan (masing-masing 13); ahli profesional dan pekerja kampung (masing-masing empat).

Bagi kategori pekerjaan untuk lelaki pula, kakitangan swasta (12 kes), penganggur (8), lain-lain/tidak diketahui (7), kakitangan kerajaan dan ahli perniagaan (masing-masing dua kes).

Faktor utama keganasan rumah tangga di negara ini adalah akibat perselisihan faham, masalah kewangan, mempunyai hubungan luar

nikah, penagih dadah dan kaki botol.

Pensyarah Jabatan Psikologi Pendidikan dan Kaunseling, Fakulti Pendidikan Universiti Malaya (UM), Prof Madya Dr Mariani Md Nor, berkata wanita mudah menjadi mangsa keganasan rumah tangga kerana kekuatan fizikal dimiliki lelaki.

Beliau berkata, lazimnya isteri lebih cenderung mengeluarkan perkataan berunsur provokasi ketika bertengkar dengan suami sehingga menyebabkan tindak balas daripada pasangan mereka.

"Apabila keadaan menjadi tegang, lelaki yang tidak dapat menahan sabar akan melepaskan kemarahan mereka dengan menggunakan tangan atau kaki sehingga menyebabkan kecederaan terhadap pasangan.

"Oleh itu, jangan menyakitkan hati sehingga mewujudkan gerak balas seperti pukulan. Selalunya lelaki tak mahu cakap banyak dan akan menggunakan kekuatan fizikal mereka untuk melepaskan marah," katanya.